

26 APR 1998

PRESIDEN BURKINA FASO BERLEPAS PULANG

KUALA LUMPUR, 26 April (Bernama) -- Presiden Burkino Faso Blaise Compaore berlepas pulang malam ini selepas mengadakan lawatan rasmi selama lima hari ke Malaysia yang mana menyaksikan dua perjanjian mengenai perdagangan dan pelaburan ditandatangani.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz untuk mengucapkan selamat jalan kepada Compaore dan rombongannya. Turut hadir ialah Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob yang juga Menteri Pengiring.

Rombongan Compaore seramai 23 orang termasuk Menteri Perdagangan, Industri dan Kraftangan Idrissa Zampalegre, Menteri Pertanian dan Sumber Haiwan Michel Koutaba dan Menteri Luar Ablasse Ouedraogo.

Semasa di sini, Compaore mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan menyaksikan upacara menandatangani dua perjanjian itu pada hari Khamis.

Beliau juga melawat Menara Berkembar Petronas di Pusat Bandaraya Kuala Lumpur dan kilang pemasangan Perusahaan Automobil Nasional Kedua (Perodua) di Rawang dekat sini pada hari Jumaat.

Semalam Yang di-Pertuan Agong Ja'afar juga menerima Compaore mengadap untuk mengucapkan selamat jalan manakala Perdana Menteri turut mengunjungi beliau di hotel penginapannya untuk tujuan yang sama.

Malaysia akan menghantar satu delegasi perniagaan ke republik selatan Afrika itu untuk menerokai peluang pelaburan dalam bidang-bidang seperti telekomunikasi, perlombongan dan perkhidmatan udara.

-- BERNAMA

HJ WAT